

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 FEBRUARY 2017

Raja Salman diberi sambutan negara

BH - 27/2/2017

→ Lawatan julung kali baginda ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong

Oleh Nazura Ngah dan Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud diberi sambutan negara di Dataran Parlimen, di sini, semalam.

Ketibaan Raja Salman yang juga Penjaga Dua Masjid Suci pada jam

11.50 pagi disambut Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V.

Yang turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Istiadat Sambutan Negara bermula dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh pancaragam pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dari Kem Sungai Besi diikuti tembakan meriam 21 das.

Raja Salman kemudian memeriksa kawalan kehormat terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota dari Batalion Pertama RAMD diketuai Mejar Azlan Shah Baharum

Baginda dan delegasinya kemudian diperkenalkan kepada ahli Jemaah Menteri sebelum Sultan Muhammad V diperkenalkan dengan delegasi Arab Saudi terdiri daripada beberapa Putera Arab Saudi dan ahli Kabinet negara berkenaan.

Kunjungan julung kali Raja Salman selama 4 hari ke Malaysia atas jemputan Sultan Muhammad V selepas ditabal sebagai Raja Arab Saudi pada 23 Januari 2015.

Ketibaan baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur disambut Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, yang juga menteri pengiring.

Kurnia darjah

Sepanjang lawatan ke negara ini, Raja Salman dijadual mengadakan mesyuarat terhad bersama Najib diikuti mesyuarat delegasi serta majlis jamuan makan malam negara di Istana Negara malam tadi.

Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan Darjah Utama Seri Mahkota Negara kepada Raja Salman.

Selepas Malaysia, Raja Salman dijadualkan melakukan kunjungan rasmi ke Indonesia, China, Maldives dan Jepun.